

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN**
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 32

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian pendapatan yang diperoleh Kerajaan melalui Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sejak diperkenalkan semula pada September 2018. Mohon dinyatakan tarikh sebenar pendapatan SST dimasukkan ke Akaun Hasil Disatukan Kerajaan .

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan mulai tarikh pelaksanaan semula cukai jualan dan cukai perkhidmatan pada 1 September 2018 sehingga 31 Oktober 2019 adalah sebanyak RM28.08 bilion. Daripada jumlah tersebut, kutipan cukai jualan adalah sebanyak RM16.63 bilion, manakala cukai perkhidmatan sebanyak RM11.45 bilion.

Semua kutipan hasil cukai langsung seperti cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu, serta cukai tidak langsung seperti cukai jualan dan cukai perkhidmatan merupakan hasil Kerajaan Persekutuan dan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan. Hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bermula dari tarikh berikut:

1. Cukai Jualan Import mulai 1 September 2018;
2. Cukai Jualan Tempatan mulai 9 Oktober 2018;
3. Cukai Perkhidmatan Tempatan mulai 4 Oktober 2018; dan
4. Cukai Perkhidmatan Import mulai 14 Februari 2019.

Perbezaan tarikh adalah disebabkan oleh tarikh kuatkuasa pelaksanaan dan tempoh pertama penghantaran *tax return* bagi setiap jenis cukai yang terlibat.